

06 NOV 1999

Mustapa-Permit

K'JAAN SETUJU KELUARKAN 1,500 PERMIT BARU KERETA SEWA

KOTA BAHARU, 6 Nov (Bernama) -- Kerajaan bersetuju untuk mengeluarkan kira-kira 1,500 permit baru kereta sewa di seluruh negara dalam usaha membantu pemandu daripada terus menyewa daripada pemegang permit sedia ada.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata kementeriannya telah membuat kajian termasuk menemubual pemandu kereta sewa dan mereka yang layak akan memperolehi permit itu setelah kajian peringkat akhir yang sedang berlansung sekarang selesai tidak lama lagi.

"Sebelum permit dikeluarkan kita perlu meneliti dari segi kelayakan pemohon itu iaitu pemohon sendiri menjalankan urusan (membawa kereta sewa) dan kedua kita nak pastikan permit baru tidak menjejaskan pemandu-pemandu yang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pemandu kereta sewa di sini hari ini.

Menurutnya penarikan balik pembekuan itu hanya melibatkan permit kereta sewa (perjalanan jauh melibatkan dari satu daerah ke satu daerah) manakala permit teksi masih dibekukan.

Katanya kerajaan perlu berhati-hati dalam memberikan permit itu kerana mendapati terdapat banyak pemegang permit kereta sewa kini tidak mengendalikan operasi itu sendiri sebaliknya menyewakannya kepada pihak lain.

"Oleh sebab itu dalam pemberian permit kereta sewa baru ini, kita memberi keutamaan kepada mereka yang terpaksa menyewa daripada pemegang permit sedia ada," katanya.

Kerajaan telah membekukan pengeluaran permit baru bagi teksi dan kereta sewa di seluruh negara sejak empat tahun lepas setelah mendapati kebanyakan pemegang permit itu terdiri mereka yang tidak layak hingga berlaku banyak kes pemegang menyewakan permit kepada individu yang ingin mengendalikan perkhidmatan itu.

Pada masa ini terdapat 20,800 permit teksi dan kereta sewa di seluruh negara.

Mustapa berkata Kelantan merupakan negeri yang akan diberikan permit paling banyak iaitu 100 permit kerana pekerjaan sebagai pemandu kereta sewa amat popular di negeri ini iaitu sebanyak 2,400 orang pada masa ini.

Mustapa juga menasihati pemandu teksi dan kereta sewa untuk menyalurkan sebarang masalah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan bukannya kepada parti pembangkang bagi mengelakkan mereka daripada dieksploitasi.

Terdahulu, Mustapa menyampaikan pelekat kereta "Syabas Malaysia" kepada pemandu teksi dan kereta sewa di beberapa stesen di bandar ini.

Pelekat kereta itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara dua minggu lepas sebagai menunjukkan tanda terima kasih rakyat kepada kerajaan yang berusaha memulihkan ekonomi negara.

--BERNAMA

ANM RAR RHM